

KESAN KAUNSELING KELOMPOK TEORI PILIHAN TERAPI REALITI
TERHADAP ASPEK PSIKOLOGI PELAJAR IBU BAPA BERCRERAI

NOR AFITI BT MOHD BASRI

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BIMBINGAN DAN KAUNSELING)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengukur kesan kaunseling kelompok Teori Pilihan Terapi Realiti (CTRT) terhadap kemurungan, kebimbangan, kelangsangan, motivasi pencapaian dan persepsi negatif terhadap ibu bapa bercerai. Kaedah eksperimen kuasi dengan pra ujian dan pos ujian kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan digunakan dalam kajian ini. Subjek adalah 30 pelajar tingkatan 1 dan 2 dari sebuah sekolah di negeri Selangor yang dipilih secara persampelan bertujuan serta diagihkan secara rawak kepada kumpulan rawatan (20 subjek) dan kumpulan kawalan (10 subjek). Subjek kumpulan rawatan telah didedahkan lapan sesi kaunseling kelompok CTRT yang memakan masa selama 16 jam. Data pra ujian dan pos ujian telah diukur dengan menggunakan Inventori Remaja Ibu bapa Bercerai dan seterusnya dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perbandingan min, ANCOVA dan *Post Hoc* pada nilai aras signifikan .05. Hasil kajian menunjukkan kaunseling kelompok CTRT berkesan secara signifikan terhadap kemurungan, kebimbangan, kelangsangan, motivasi pencapaian dan persepsi negatif terhadap ibu bapa dalam kalangan kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan. Kesimpulannya, intervensi melalui kaunseling kelompok CTRT didapati berkesan untuk membantu menangani masalah psikologi remaja ibu bapa bercerai.



THE EFFECTS OF "CHOICE THEORY REALITY THERAPY COUNSELLING GROUP " TOWARD PSYCHOLOGICAL ASPECTS OF STUDENTS OF DIVORCED PARENTS

ABSTRACT

This study aims to measure the effects of Choice Theory Reality Therapy (CTRT) counselling group toward depression, anxiety, aggression, achievement motivation and negative perceptions toward parents among students whose parents were divorced. Quasi experimental method with pre test and post test for treatment group and control group has been used in this study. Subjects comprised of 30 students of form 1 and 2 from a school in Selangor state, selected by purposive sampling and randomly allocated to treatment group (20 subjects) and control group (10 subjects). Treatment group subjects were exposed to eight session of CTRT counselling group which has taken about 16 hours. Pre test and post test data were measured using the Adolescent Parent Divorced Inventory and further analyzed descriptively and by inference using comparison of mean, ANCOVA and Post Hoc at the significant level of .05. The results showed that CTRT counselling group has been found to be effective significantly toward depression, anxiety, aggression, achievement motivation and negative perception toward parents in the treatment group compared to the control group. In conclusion, intervention through CTRT counselling group was effective to help deal with the psychological problems of adolescents whose parents were divorced.

KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|--------------------------|------|
| PERAKUAN | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK | iv |
| ABSTRACT | v |
| KANDUNGAN | vi |
| SENARAI JADUAL | xi |
| SENARAI RAJAH | xiv |
| SENARAI SINGKATAN | xv |
| SENARAI SIMBOL | xvi |
| SENARAI LAMPIRAN | xvii |

BAB 1 PENGENALAN

| | |
|---------------------------|----|
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Latar belakang kajian | 1 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 6 |
| 1.4 Tujuan Kajian | 21 |
| 1.4.1 Tujuan Umum | 21 |
| 1.4.2 Tujuan Khusus | 21 |

| | | |
|-------|------------------------------------|----|
| 1.5 | Objektif Kajian | 23 |
| 1.6 | Persoalan Kajian | 23 |
| 1.7 | Hipotesis Kajian | 24 |
| 1.8 | Kesignifikanan Kajian | 25 |
| 1.9 | Definisi Konsep & Operasional | 28 |
| 1.9.1 | Kaunseling Kelompok (CTRT) | 28 |
| 1.9.2 | Kemurungan | 31 |
| 1.9.3 | Kebimbangan | 33 |
| 1.9.4 | Kelangsangan | 34 |
| 1.9.5 | Motivasi Pencapaian | 36 |
| 1.9.6 | Persepsi Negatif Terhadap Ibu bapa | 37 |
| 1.9.7 | Pelajar Ibu bapa Bercerai | 38 |
| 1.10 | Limitasi Kajian | 39 |
| 1.11 | Rumusan | 40 |

BAB 2 PENDEKATAN TEORI DAN TINJAUAN LITERATUR

| | | |
|-------|---|----|
| 2.1 | Pendahuluan | 41 |
| 2.2 | Pendekatan Teori | 42 |
| 2.2.1 | Teori Perkembangan Personaliti Erickson | 42 |
| 2.2.2 | Perkaitan Teori Perkembangan Erickson dengan Situasi Remaja Ibu bapa Bercerai | 49 |
| 2.2.3 | <i>Choice Theory Reality Therapy</i> (CTRT) | 55 |
| 2.2.4 | Perkaitan <i>Choice Theory Reality Therapy</i> (CTRT) dengan | 77 |

Situasi Remaja Ibu bapa Bercerai

| | | |
|-----|-----------------------------|-----|
| 2.3 | Tinjauan Literatur | 85 |
| | 2.3.1 Tinjauan Dalam Negeri | 85 |
| | 2.3.2 Tinjauan Luar Negeri | 94 |
| 2.4 | Rumusan | 101 |

BAB 3 **METODOLOGI KAJIAN**

| | | |
|-----|---|-----|
| 3.1 | Pendahuluan | 102 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 103 |
| 3.3 | Lokasi Kajian | 106 |
| 3.4 | Alat Kajian | 107 |
| | 3.4.1 Inventori Psikologikal Ibu Bapa Bercerai (IRIBB) | 107 |
| | 3.4.2 Kesahan Inventori (IRIBB) | 108 |
| | 3.4.3 Kebolehpercayaan Inventori (IRIBB) | 110 |
| | 3.4.5 Modul Kaunseling Kelompok (CTRT) | 111 |
| | 3.4.6 Kesahan Modul Kaunseling Kelompok (CTRT) | 112 |
| | 3.4.7 Kebolehpercayaan Modul Kaunseling Kelompok (CTRT) | 113 |
| 3.5 | Kaedah Pengumpulan Data | 115 |
| 3.6 | Populasi Kajian | 115 |
| 3.7 | Sampel Kajian | 115 |
| 3.8 | Cara Pemarkatan | 118 |
| 3.9 | Penganalisisan Data | 118 |

| | |
|--------------------------|-----|
| 3.10 Pengujian Hipotesis | 119 |
| 3.11 Rumusan | 120 |

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

| | |
|--|-----|
| 4.1 Pendahuluan | 121 |
| 4.2 Hasil Kajian Secara Deskriptif | 121 |
| 4.2.1 Analisis Deskriptif Sampel Kajian Berdasarkan Tingkatan | 122 |
| 4.2.2 Analisis Deskriptif Hasil Kajian Berdasarkan Min | 123 |
| 4.2.3 Analisis Deskriptif Hasil Kajian Berdasarkan Skor Individu | 129 |
| 4.2.4 Analisis Statistik Hasil Kajian Pengujian Hipotesis (ANCOVA) | 140 |
| 4.3 Rumusan Analisis Kajian Berdasarkan Hipotesis | 152 |

BAB 5 PERBINCANGAN

| | |
|---|-----|
| 5.1 Pendahuluan | 153 |
| 5.2 Rumusan Kajian | 155 |
| 5.3 Perbincangan Kesan Kaunseling Kelompok (CTRT) Terhadap Pemboleh Ubah Bersandar | 156 |
| 5.3.1 Kesan Kaunseling Kelompok (CTRT) Terhadap Aspek Kemurungan Pelajar Ibu bapa Bercerai | 158 |
| 5.3.2 Kesan Kaunseling Kelompok (CTRT) Terhadap Aspek Kebimbangan Pelajar Ibu bapa Bercerai | 163 |
| 5.3.3 Kesan Kaunseling Kelompok (CTRT) Terhadap Aspek Kelangsangan Pelajar Ibu bapa Bercerai | 166 |

| | | |
|-------|---|-----|
| 5.3.4 | Kesan Kaunseling Kelompok (CTRT) Terhadap Aspek Motivasi Pencapaian Pelajar Ibu bapa Bercerai | 170 |
| 5.3.5 | Kesan Kaunseling Kelompok (CTRT) Terhadap Aspek Persepsi Negatif Pelajar Terhadap Ibu bapa Bercerai | 174 |
| 5.4 | Implikasi dan Sumbangan Kajian | 178 |
| 5.4.1 | Implikasi Kepada Bidang Keilmuan Kaunseling dan Teori | 179 |
| 5.4.2 | Implikasi Kepada Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Di Sekolah | 181 |
| 5.4.3 | Implikasi Kepada Bidang Pendidikan | 183 |
| 5.4.4 | Implikasi Kepada Pelajar dan Ibu bapa | 184 |
| 5.5 | Masalah Menjalankan Kajian | 186 |
| 5.6 | Saranan Menjalankan Kajian Pada Masa akan Datang | 187 |
| 5.7 | Rumusan | 189 |
| | RUJUKAN | 191 |
| | LAMPIRAN | |

SENARAI JADUAL

| No. Jadual | | Muka Surat |
|------------|---|------------|
| 1.1 | Statistik Perceraian di Malaysia 2001-2010 | 7 |
| 2.1 | Tahap Perkembangan Personaliti Erickson | 43 |
| 3.1 | Reka bentuk Kajian Kuasi Eksperimen Ke Atas Pelajar Ibu Bapa Bercerai | 105 |
| 3.2 | Kesahan Kandungan Penilaian Pakar (IRIBB) | 108 |
| 3.3 | Kesahan Item Subskala (IRIBB) Berdasarkan penilaian Panel Pakar | 109 |
| 3.4 | Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Remaja Ibu Bapa Bercerai (IRIBB) | 110 |
| 3.5 | Nilai Kesahan Sesi dan Aktiviti Modul Kaunseling Kelompok (CTRT) berdasarkan Penilaian Pakar | 112 |
| 3.6 | Nilai Kebolehpercayaan Sesi dan Aktiviti Modul Kaunseling Kelompok (CTRT) berdasarkan Penilaian Pakar | 113 |
| 3.7 | Jadual Pengujian Hipotesis | 119 |
| 4.1 | Analisis Deskriptif Sampel Kajian Berdasarkan Tingkatan | 123 |
| 4.2 | Perbandingan Min Pra Ujian Dan Min Pos Ujian Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Pembolehubah Kemurungan Pelajar Ibu bapa bercerai | 124 |
| 4.3 | Perbandingan Min Pra Ujian Dan Min Pos Ujian Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Pembolehubah Kebimbangan Pelajar Ibu bapa bercerai | 125 |
| 4.4 | Perbandingan Min Pra Ujian Dan Min Pos Ujian Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Pembolehubah Kelangsangan | 126 |
| 4.5 | Perbandingan Min Pra Ujian Dan Min Pos Ujian Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan | 127 |

| | | |
|------|--|-----|
| | Berdasarkan Pemboleh ubah Motivasi Pencapaian | |
| 4.6 | Perbandingan Min Pra Ujian Dan Min Pos Ujian Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Pemboleh ubah Persepsi Terhadap Ibu bapa dalam kalangan Pelajar Ibu bapa bercerai | 128 |
| 4.7 | Perbandingan Berdasarkan Skor Individu Bagi Pemboleh ubah Kemurungan | 129 |
| 4.8 | Perbandingan Berdasarkan Skor Individu Bagi Pemboleh ubah Kebimbangan | 131 |
| 4.9 | Perbandingan Berdasarkan Skor Individu Bagi Pemboleh ubah Kelangsangan | 134 |
| 4.10 | Perbandingan Berdasarkan Skor Individu Bagi Pemboleh ubah Motivasi Pencapaian | 136 |
| 4.11 | Perbandingan Berdasarkan Skor Individu Bagi Pemboleh ubah Persepsi Negatif Terhadap Ibu bapa Pelajar Ibu bapa bercerai | 139 |
| 4.12 | Ringkasan Analisis ANCOVA Pra Ujian dan Pos Ujian Kemurungan Pelajar Ibu bapa bercerai Kumpulan Rawatan Tingkatan 1, Kumpulan Rawatan Tingkatan 2 dan Kumpulan Kawalan | 141 |
| 4.13 | Analisis <i>Post Hoc</i> Perbezaan Kemurungan Pelajar Ibu bapa bercerai Antara Kumpulan Rawatan Tingkatan 1, Kumpulan Rawatan Tingkatan 2 dan Kumpulan Kawalan | 142 |
| 4.14 | Ringkasan Analisis ANCOVA Pra Ujian dan Pos Ujian Kebimbangan Pelajar Ibu bapa bercerai Kumpulan Rawatan Tingkatan 1, Kumpulan Rawatan Tingkatan 2 dan Kumpulan Kawalan | 144 |
| 4.15 | Analisis <i>Post Hoc</i> Perbezaan Kebimbangan Pelajar ibu bapa bercerai antara Kumpulan Rawatan Tingkatan 1, Kumpulan Rawatan Tingkatan 2 dan Kumpulan Kawalan | 145 |
| 4.16 | Ringkasan Analisis ANCOVA Pra Ujian dan Pos Ujian Kelangsangan Pelajar Ibu bapa bercerai Kumpulan Rawatan Tingkatan 1, Kumpulan Rawatan Tingkatan 2 dan Kumpulan Kawalan | 146 |
| 4.17 | Analisis <i>Post Hoc</i> Perbezaan Kelangsangan pelajar | 147 |

ibu bapa bercerai antara Kumpulan Rawatan Tingkatan 1,
Kumpulan Rawatan Tingkatan 2 dan Kumpulan Kawalan

| | | |
|------|---|-----|
| 4.18 | Ringkasan Analisis ANCOVA Pra Ujian dan Pos Ujian Motivasi Pencapaian pelajar ibu bapa bercerai Kumpulan Rawatan Tingkatan 1, Kumpulan Rawatan Tingkatan 2 dan Kumpulan Kawalan | 149 |
| 4.19 | Analisis <i>Post Hoc</i> Perbezaan Motivasi Pencapaian Pelajar Ibu bapa bercerai antara Kumpulan Rawatan Tingkatan 1, Kumpulan Rawatan Tingkatan 2 dan Kumpulan Kawalan | 150 |
| 4.20 | Ringkasan Analisis ANCOVA Pra Ujian dan Pos Ujian Persepsi Negatif Terhadap Ibu bapa Pelajar Ibu bapa bercerai Kumpulan Rawatan Tingkatan 1, Kumpulan Rawatan Tingkatan 2 dan Kumpulan Kawalan | 151 |
| 4.21 | Analisis <i>Post Hoc</i> Perbezaan Persepsi Negatif Terhadap Ibu bapa pelajar ibu bapa bercerai antara Kumpulan Rawatan Tingkatan 1, Kumpulan Rawatan Tingkatan 2 dan Kumpulan Kawalan | 152 |

SENARAI RAJAH**No. Rajah****Muka Surat**

- | | | |
|-----|--|-----|
| 3.1 | Carta Aliran Proses Persampelan Subjek Eksperimen, Tatacara Rawatan Dan Pengumpulan Data Subjek Kajian. | 117 |
|-----|--|-----|

SENARAI SINGKATAN

| | |
|-------------|--|
| ANCOVA | Analysis of Covariance |
| AMU 1976 | Akta Membaharui Undang-undang(Perkahwinan & Perceraian) 1976 |
| AUKIWP 1998 | Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1998 |
| CTRT | <i>Choice Theory Reality Therapy</i> |
| DOVE | <i>Domestic Violence Evaluation</i> |
| IRIBB | Inventori Remaja Ibu bapa bercerai |
| JAKIM | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia |
| JPN | Jabatan Pendaftaran Negara |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| PMR | Penilaian Menengah Rendah |
| REBT | <i>Rasional Emotive Behavior Therapy</i> |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| STPM | Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia |
| TSCS | <i>Tennessee Self Concept Scale</i> |
| WDEP | <i>Want, Doing, Evaluate, Planning</i> |

SENARAI LAMPIRAN

- A Permohonan pelajar membuat penyelidikan
- B Pengesahan Pembentangan Cadangan Penyelidikan Peringkat Sarjana
- C Kelulusan menjalankan kajian di sekolah daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (EPRD)
- D Kebenaran menjalankan kajian di sekolah
- E Instrumen kajian Inventori Remaja Ibu bapa Bercerai (IRIBB)
- F Modul Kaunseling Kelompok (CTRT)
- G Analisis Data Bagi Hipotesis Kajian

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab pertama pengkaji akan menerangkan perkara asas kajian yang meliputi pengenalan secara ringkas tentang masalah yang dikaji, latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, kesignifikanan kajian, definisi pembolehubah kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, dan rumusan kajian.

1.2 Latar belakang Kajian

Institusi kekeluargaan adalah unit asas dan tulang belakang dalam mewujudkan sistem sosial dan sumber tenaga manusia yang sejahtera. Kini, kehidupan alam rumah tangga semakin memberi cabaran berdasarkan angka perceraian semakin meningkat iaitu purata 70 kes perceraian dilaporkan setiap hari, 2000 kes setiap bulan, dan 25000 kes

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS setiap tahun (JAKIM, 2011). Malahan, terdapat kes perceraian dalam tempoh perkahwinan yang amat singkat iaitu antara seminggu dan setahun, serta kes perceraian pasangan yang telah lama berkahwin dan mempunyai cucu. Berdasarkan kes tersebut, jelas memperlihatkan kepincangan institusi kekeluargaan dalam masyarakat kita yang perlu diberikan perhatian serius (Hariyati, 2008).

Menurut Noraini (2011), kombinasi permasalahan kesihatan mental antara suami dan isteri menjadi punca kepada perceraian. Manakala, Georg (2006) menyatakan secara puratanya kajian kekeluargaan mendapati pasangan bercerai tidak terlepas daripada kes penderaan fizikal terhadap pasangan. Folkman & Lazarus (1992) menyatakan konflik adalah desakan yang menyebabkan kedua-dua pasangan hilang arah, ketidakupayaan menyelamatkan keadaan dan mereka tewas sehingga tercetusnya perceraian. Dalam hal ini, toleransi adalah komponen yang unik dalam perhubungan perkahwinan apabila pasangan bekerjasama, dan saling berjuang dalam penjagaan anak-anak (McHale, 2007).

Konflik dalam hubungan kekeluargaan mengakibatkan ikatan perkahwinan berakhir dengan perceraian yang memberi kesan negatif terhadap individu dewasa dan perkembangan psikologikal anak-anak (Amato & Keith, 1991; Acock & Demo, 1994; Amato, 1994; Cherlin, 1999; Gahler, 1998; Amato, 2000; Billings & Emery, 2000; Jackson & Hung, 2000; Jackson, 2000 & 2003; Ambert, 2002; Dong, Wang & Ollendick, 2002; Ahrons & Thanner, 2003; Kelly & Emery, 2003; Lin, 2008). Kesan perceraian pastinya akan dirasai oleh anak-anak termasuklah rasa kehilangan ibu atau bapa yang akan menganggu gugat kestabilan psikologikal mereka. Menurut Hawkins (2008), kanak-kanak tidak akan memahami perceraian ibu bapa sehinggalah mereka

merasai kehilangan apabila ibu dan bapa tidak tinggal bersama, perubahan tempat tinggal, kehilangan rakan-rakan sebaya, dan keluarga ibu atau bapa. Apabila perkembangan psikologikal mereka tidak stabil, mereka akan mudah terdedah dengan pelbagai tandensi yang memungkinkan mereka menjerumuskan diri dengan pengaruh sosial yang tidak sihat. Berdasarkan kajian oleh Hawkins (2008), 90 peratus anak-anak yang terlibat dengan perceraian akan tinggal dengan ibu dan mereka akan turut merasai 20 hingga 25 peratus kehilangan kemewahan hidup berbanding tinggal dengan bapa yang hanya 10 peratus jika dibandingkan sebelum ibu dan bapa mereka bercerai. Hal ini menunjukkan tahap keinginan dan kemewahan anak-anak mangsa perceraian tidak dapat dipenuhi seperti sebelumnya. Sekaligus, kejutan-kejutan dan rasa kehilangan seperti ini akan menganggu dan menjelaskan kefungsian hidup mereka.

Impak daripada perceraian, anak-anak akan mengalami gangguan aspek psikologikal, masalah dalam pencapaian akademik, dan tingkahlaku bermasalah jika dibandingkan dengan anak-anak yang mempunyai ibu bapa yang tinggal dalam keadaan harmonis (Amato 2001; Chase-Landsle & Hetherington, 1990; Flewelling & Bauman, 1990; Hetherington, Bridges & Insabella; 1998; Hetherington & Stanley-Hagan, 1999; Zill, Morisson & Cairo, 1993). Anak-anak kecil tidak merasai tekanan psikologikal berbanding anak-anak remaja yang sedang meningkat dewasa. Anak mangsa perceraian khususnya akan menghadapi kejutan besar kesan perpisahan yang tidak mereka relakan.

Kesan kepada perceraian ini juga dinyatakan oleh Sara, Terri, Avshalom &

Alan (2003) iaitu perceraian boleh membawa kesan serta merta, jangka pendek,

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS transisi dan kesan jangka panjang. Menurut Kelly & Lamb (2003) individu dewasa lebih tabah dan matang apabila dilanda situasi perceraian. Individu dewasa melalui beberapa tahap pemulihan dengan membina semula nilai diri, perasaan bersalah kerana gagal membina keluarga, takut untuk merasa intim semula, kecewa, perubahan cara hidup dan penyesuaian pada keadaan bercerai. Berbeza pula dengan kanak-kanak atau golongan remaja yang mengalami keadaan berbeza yang dipengaruhi oleh usia , ekosistem dan sifat tekanan yang dilaluinya kesan daripada perpisahan ibu bapa. Terdapat pelbagai kesan psikologi kanak-kanak dan remaja mangsa perceraian. Antaranya ialah kebimbangan, kemurungan, kehilangan penghargaan kendiri dan sebagainya. Bagi ibu bapa, perceraian adalah jalan yang terbaik, namun bagi anak-anak pula perceraian ibu bapa adalah zaman permulaan kepada penderitaan dan kegelapan lebih-lebih lagi kesannya pada anak-anak. (Kelly & Lamb, 2003).

Kajian yang dilakukan di *University of Minnesota* merumuskan perceraian akan mempengaruhi anak-anak secara berbeza, bergantung pada jantina, usia dan tahap perkembangan. Mereka sering merasakan mereka bersalah dan mereka percaya mungkin tingkahlaku mereka yang menyumbang perceraian ibu bapa. Anak-anak mangsa perceraian akan menunjukkan perasaan negatif seperti ketakutan ditinggalkan. Mereka bimbang sekiranya ibu bapa mereka tidak menyayangi mereka dan mereka rasa ditinggalkan. Anak-anak mangsa perceraian turut akan merasa marah dan geram. Perasaan mereka sangat marah kepada ibu atau bapa walaupun mereka tidak dapat mengekspresikan kemarahan mereka. Pendaman kemarahan dapat dilihat melalui terjemahan tingkahlaku seperti memberontak, bergaduh di sekolah dan mudah marah.(Katie, 2012).

Lesley (2001) pula berpendapat perceraian adalah pengalaman yang menyeksakan sama ada kepada pasangan yang berkonflik atau anak-anak yang tersepit. Anak-anak berhak memperoleh kesejahteraan dalam kehidupan berkeluarga bukannya menjadi mangsa kepada percaturan hidup ibu bapa. Sepatutnya pada peringkat perkembangan diri dan dalam usia yang memerlukan kasih-sayang, didikan dan bimbingan ibu bapa menjadi keperluan kanak-kanak dan remaja untuk dipenuhi agar mencapai kesejahteraan dan perkembangan diri yang sihat. Menurut Matthews (2002) menyatakan bahawa setiap tahun di Amerika Syarikat, lebih 1 juta kanak-kanak bawah usia 18 tahun menjadi mangsa perceraian ibu bapa.

Menurut Joan & William (2010) mendapati kanak-kanak dan remaja mangsa perceraian mengalami masalah sahsiah akibat daripada kehilangan model dan pemimpin dalam keluarga dan mengakibatkan kefungsian sesebuah institusi kekeluargaan terjejas. Perceraian menimbulkan pelbagai kesan gangguan emosi, fisiologi, psikologi dan juga prestasi kerja individu dewasa dan prestasi akademik anak-anak. Menurut Hyatt (1999) pula perceraian adalah pengalaman yang menyeksakan sama ada kepada pasangan yang berkonflik atau anak-anak yang tersepit dan menjadi mangsa. Menurut Zarina (2009), keutuhan sesebuah keluarga yang harmonis bergantung kepada kesefahaman ikatan perkahwinan dan perkongsian nilai-nilai kasih sayang antara ahli keluarga.

Justeru, benar sekali menurut Che Hasniza (2006), keluarga adalah agen sosialisasi yang sangat penting bagi membentuk norma, nilai, kepercayaan, bahasa, ideologi, artifak, kemahiran hidup dan emosi seseorang. Perilaku dan sahsiah seseorang individu samada untuk menjadi lebih baik atau sebaliknya adalah bermula

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
daripada pembentukan keluarga yang harmonis dan sejahtera. Perceraian akan memberi kesan kepada anak-anak dan akan memberikan kesan kepada permasalahan sosial lebih-lebih lagi terlibat dengan kes gejala sosial, dadah, jenayah, seks bebas, dan pelbagai kes sosial yang lain.

Kesimpulannya, aspek psikologikal seperti kemurungan, kebimbangan, kelangsangan, penurunan motivasi pencapaian dan persepsi negatif terhadap ibu bapa sering menjadi aspek permasalahan bagi remaja yang terlibat dengan kes perceraian ibu bapa. Justeru, kaunseling kelompok amat penting dalam menangani permasalahan aspek psikologikal ini pada peringkat awal agar tidak terus berlarutan menjadi permasalahan dalam diri seseorang individu.

1.3 Pernyataan Masalah

Di Malaysia, sumber statistik perceraian oleh Jabatan Kemajuan Agama Islam (JAKIM) bagi orang Islam, (2006 hingga 2010), telah berlaku peningkatan sebanyak 8572 kes. Menurut sumber daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pula, kadar perceraian dalam kalangan bukan Islam pada tahun 2004 iaitu sebanyak 3291 kes perceraian, sebanyak 3804 kes perceraian pada tahun 2005, 5747 kes perceraian pada tahun 2006, 4335 kes perceraian pada tahun 2007. Dalam tempoh sehari, lebih 56 perceraian dan 359 perkahwinan berlaku (Harian Metro, 18 September 2008). Hal ini bermakna sebanyak 303 perkahwinan yang masih dikekalkan dalam sehari.

JAKIM dan JPN menyatakan, punca krisis rumah tangga ini antaranya adalah tidak serasi, kecurangan poligami, kerentak dan campur tangan keluarga, masalah ekonomi, pengangguran, komitmen kerja dan kerjaya yang terlalu tinggi, dan kurangnya didikan moral, penderaan dan pengabaian. Kesannya, adalah kepada anak-anak. Berikut merupakan statistik berjadual oleh (JAKIM), (2001-2010) berdasarkan peningkatan bagi negeri di Malaysia.

Jadual 1.1

Peratus Statistik Perceraian di Malaysia (2001-2010)

| Negeri/Tahun | 2001 | 2002 | 2003 | 2004 | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 |
|--------------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|
| Perlis | 1.40 | 1.63 | 1.63 | 0.99 | 1.28 | 1.67 | 1.20 | 2.10 | 1.81 | 1.91 |
| Kedah | 11.67 | 8.19 | 6.96 | 8.93 | 9.79 | 10.31 | 10.66 | 10.81 | 9.91 | 9.41 |
| Pulau Pinang | 5.39 | 6.58 | 5.95 | 5.55 | 5.14 | 4.21 | 4.47 | 4.20 | 4.21 | 3.72 |
| Perak | 8.31 | 14.27 | 8.77 | 9.14 | 8.31 | 8.10 | 7.61 | 8.75 | 6.42 | 7.92 |
| Selangor | 14.14 | 14.28 | 20.31 | 19.0 | 17.07 | 16.93 | 18.13 | 15.96 | 16.54 | 19.05 |
| Kuala Lumpur | 5.43 | 5.77 | 5.69 | 7.85 | 7.04 | 7.31 | 5.61 | 6.48 | 5.91 | 6.14 |
| N. Sembilan | 4.25 | 4.54 | 4.40 | 3.87 | 4.54 | 4.45 | 4.42 | 4.73 | 4.51 | 4.80 |
| Melaka | 3.58 | 3.82 | 3.79 | 3.35 | 3.45 | 3.73 | 3.71 | 3.99 | 3.31 | 4.05 |
| Johor | 7.25 | 11.76 | 10.37 | 10.23 | 8.57 | 8.46 | 9.41 | 10.45 | 12.02 | 9.96 |
| Pahang | 7.85 | 6.46 | 5.90 | 3.73 | 8.48 | 7.92 | 7.32 | 7.71 | 7.02 | 7.63 |
| Terengganu | 7.88 | 5.87 | 5.77 | 7.10 | 7.24 | 6.33 | 7.51 | 6.02 | 6.80 | 4.54 |
| Kelantan | 15.38 | 10.63 | 12.39 | 11.83 | 10.70 | 10.35 | 10.99 | 10.21 | 8.91 | 9.21 |
| Sarawak | 4.53 | 4.58 | 4.19 | 5.00 | 4.62 | 5.00 | 4.43 | 4.82 | 3.50 | 5.39 |
| Sabah | 2.34 | 1.16 | 3.67 | 3.11 | 3.28 | 4.74 | 4.50 | 3.35 | 9.14 | 6.08 |
| W. P. Labuan | 0.59 | 0.44 | 0.18 | 0.30 | 0.47 | 0.51 | 0.18 | 0.51 | 0.31 | 0.31 |

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM, 2010).

Berdasarkan jadual 1.1 tersebut, peningkatan kadar perceraian sudah pasti memberikan kesan yang mendalam kepada anak-anak. Kadar ibu bapa bercerai bagi setiap pasangan lebih-lebih lagi pasangan yang mempunyai tiga hingga lima orang anak akan menyebabkan kesan berkali ganda terhadap individu yang mengalaminya. Kepentingan perkahwinan ini juga ditekankan oleh Weston & Stanton (2003) iaitu perkahwinan adalah sesuatu yang penting terutamanya untuk anak-anak berkembang dengan sihat dan dalam keadaan yang sejahtera dalam sesebuah komuniti masyarakat.

Remaja dan kanak-kanak yang mengalami episod perceraian ibu bapa akan mempamerkan permasalahan dalam akademik, permasalahan psikologikal, gangguan kehidupan jika dibandingkan dengan anak-anak yang tidak mengalaminya (Amato, 2004). Kebanyakan pengkaji menemui bukti untuk menyokong hipotesis bahawa perceraian ibu bapa dan perkahwinan semula mempunyai kesan negatif jangka panjang termasuk ketidakstabilan psikologikal, dan kemerosotan pencapaian akademik (Amato 2001; Landsdale & Heterington, 1990; Wallerstein et al 2000). Kepentingan peranan bapa pula ditekankan dalam artikel *How Fathers Benefit Children and Society* (2000). Kajian ini menyatakan terdapat banyak kesan daripada situasi ketiadaan bapa dalam sesebuah keluarga antaranya kesan kepada pendidikan iaitu menyebabkan minat untuk bersekolah yang kurang dalam kalangan anak-anak. Selain itu, kesan perceraian boleh menjurus kepada masalah seperti kemiskinan, jenayah, penderaan dan masalah kesihatan sama ada dari segi fizikal atau mental anak-anak tersebut. Menyedari hakikat ini adalah penting untuk setiap ibu bapa yang ingin bercerai memikirkan nasib anak-anak mereka.

Kesan-kesan yang akan dialami selaras mengikut skop kajian ini antaranya kemurungan, kebimbangan, kelangsangan, tahap motivasi pencapaian dan persepsi negatif terhadap ibu bapa.

Pertama, kesan kemurungan akan dialami oleh anak-anak yang menjadi mangsa perceraian. Menurut Seccombe & Warner (2004) pula, antara kesan yang berlaku akibat daripada perceraian ibu bapa ialah kemurungan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa melalui tanda-tanda dan simptom-simptom yang ditunjukkan, kanak-kanak yang menjadi mangsa perceraian ini akan mengalami kemurungan. Kemurungan berlaku dalam kalangan mereka yang berumur 19 - 59 tahun dalam kalangan wanita adalah 1.5 kali lebih tinggi daripada lelaki. Masalah kemurungan akan mengundang kepada kesihatan mental yang menyumbang kepada 8.6 peratus.

Menurut Kauffman (2001), kemurungan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja merupakan satu isu yang kontroversial sejak beberapa dekad yang lalu. Hal ini kerana sebelum satu dekad yang lalu banyak pakar menafikan wujudnya kemurungan di kalangan kanak-kanak dan remaja (Erickson, 1992). Banyak kajian yang dibuat pada tahun 1960-an dan 1970-an telah membuktikan bahawa kemurungan bukan sahaja wujud pada zaman kanak-kanak dan remaja tetapi lebih serius daripada yang dijangkakan (Dacey & Kenny, 1997; Bachanas & Kaslow, 2001; Haugaard, 2001; Nunley, 2003). Menurut Bachanas & Kaslow (2001) dalam Rita Wicks-Nelson, Allen C. Israel (2005), kemurungan dalam kalangan remaja memerlukan perhatian dan intervensi yang baik. Pelbagai kajian yang dibuat, telah dibuktikan bahawa kemurungan adalah satu masalah yang umum dalam kalangan remaja (Sprinthall & Collins, 1995; Dacey & Kenny, 1997; Conger, 1977; Steinberg, 1999). Menurut Petersen et al. (1993), kemurungan mempengaruhi 7% hingga 33% daripada remaja

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
bergantung pada definisi, penilaian dan keseriusan kemurungan yang dihadapi. Menurut satu kajian yang dijalankan pada tahun 1982, didapati bahawa apabila seseorang mencapai umur 15 tahun, satu daripada lima orang remaja akan mengalami kemurungan (Turkington & Kaplan, 1997).

Daripada kajian-kajian yang dibuat tentang kemurungan, didapati bahawa faktor jantina merupakan satu pemboleh ubah yang sering digunakan. Banyak kajian yang dijalankan telah melihat perhubungan antara jantina dengan kemurungan. Namun, kebanyakan kajian ini memberi fokus kepada orang dewasa sahaja (Wade, Cairney, & Pevalin, 2002). Menurut mereka lagi, sorotan kajian tentang kemurungan remaja berkenaan dengan perbezaan jantina adalah sangat tidak konsisten. Terdapat penyelidik yang mengatakan bahawa tidak terdapat perbezaan dalam kadar kemurungan dalam kalangan remaja lelaki dan perempuan (Baron & Joly, 1988 (disebut dalam Wade, Cairney, & Pevalin, 2002). Penyelidik-penyalidik lain pula mengatakan bahawa remaja perempuan biasanya lebih mudah dilanda kemurungan berbanding remaja lelaki (Ingersoll, 1989; Haugaard, 2001). Menurut Nolen-Hoeksema & Girgus (disebut dalam Bachanas & Kaslow, 2001), pada umur 15 tahun, kemurungan dalam kalangan remaja perempuan adalah dua kali ganda lebih banyak berbanding remaja lelaki, dan perbezaan jantina ini akan berlanjutan hingga ke zaman dewasa. Steinberg (1999) pula berpendapat bahawa perasaan kemurungan adalah lebih umum dalam kalangan lelaki berbanding perempuan sebelum akil baligh, manakala keceliaruan kemurungan lebih umum dalam kalangan perempuan berbanding lelaki selepas akil baligh. Memandangkan pandangan yang berbeza-beza ini, kajian akan dibuat ke atas pemboleh ubah ini untuk melihat pengaruhnya ke atas